

21 FEB 2003

Aman-Perhimpunan (Rangkuman)

200,000 DIJANGKA SERTAI PERHIMPUNAN KEAMANAN RAKYAT M'SIA

KUALA LUMPUR, 21 Feb (Bernama) -- Perikatan Keamanan Rakyat Malaysia (Aman Malaysia) mensasarkan seramai 200,000 orang akan menghadiri Perhimpunan Keamanan Rakyat Malaysia, Ahad ini bagi mendengar amanat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bagi menjayakan perhimpunan itu, Aman Malaysia menyediakan satu garis panduan kepada orang ramai antaranya ialah mereka diminta membawa bendera Malaysia untuk dikibarkan.

Setiausaha Perhimpunan Keamanan Rakyat Malaysia, Encik Norizan Sharif dalam kenyataan yang dikeluarkan hari ini berkata orang ramai juga diminta supaya mematuhi arahan untuk memasuki Stadium Nasional di Bukit Jalil.

Bagi orang ramai yang datang dari negeri Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Sabah dan Sarawak, mereka dikehendaki menggunakan pintu berwarna biru dan ungu, manakala yang datang dari Wilayah Persekutuan, Selangor, Kedah dan Perlis dikehendaki masuk melalui pintu berwarna merah dan kuning.

Sementara bagi orang ramai dari negeri Kelantan, Terengganu, Pahang, Perak dan Pulau Pinang mereka dikehendaki menggunakan pintu berwarna hijau untuk memasuki stadium.

Norizan juga menyarankan supaya wakil-wakil Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) menggantung atau merentang kain pemedang yang tertera kata-kata yang menyokong keamanan.

"Orang ramai diminta memberikan kerjasama kepada pasukan keselamatan dan petugas bagi melicinkan perjalanan perhimpunan. Petugas akan memakai ikatan lengan (arm band) berwarna merah dengan perkataan PEACE," katanya.

Mereka yang ingin datang ke perhimpunan itu digalakkan datang lebih awal ke stadium dan menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam. Perkhidmatan LRT akan dilanjutkan sehingga pukul 3 pagi.

Barang-barang seperti kayu, payung dan air bertin atau botol tidak dibenarkan dibawa masuk ke stadium, kata Norizan.

Sementara itu Penyelaras Aktiviti Eksposisi Keamanan Malaysia, Ezaruddin Abd Rahman pula menjemput orang ramai untuk menghadiri Malam Keamanan yang akan diadakan malam esok (Sabtu) di perkarangan Kuala Lumpur City Centre (KLCC).

"Program ini akan dijayakan oleh Yayasan Seni Karya Prihatin Malaysia dan persatuan Pemuda Negara Malaysia untuk Aman Malaysia," katanya dalam kenyataan hari ini.

Ezaruddin berkata aktiviti yang akan diadakan pada malam itu ialah bacaan puisi, nyanyian dan pentomin yang bertemakan keamanan. Majlis itu turut dijayakan oleh beberapa penyanyi terkenal tanah air.

Memandangkan seruan Kempen Sejuta Tandatangan Aman Malaysia, Felcra Bhd turut terpanggil untuk menyatakan sokongannya terhadap desakan supaya peperangan dihentikan.

Atas tanda kesedaran dan rasa tanggungjawab, Felcra telah berjaya mengumpul sejumlah 2,379 tandatangan kakitangannya di seluruh negara untuk disampaikan kepada Aman Malaysia.

"Seluruh ahli Lembaga dan Pengurusan Felcra Bhd sentiasa menyokong usaha-usaha kerajaan menentang sebarang bentuk keganasan di dunia," kata Ketua Eksekutif dan Presidennya Ashaari Yusoff.

Syarikat insurans tempatan terbesar di tanahair, Malaysia National Insurance Bhd (MNI) juga menyatakan sokongan mereka menentang peperangan dan keganasan melalui kempen satu juta tandatangan.

Lebih daripada 800 tandatangan daripada pekerja, pelanggan dan penyewa

telah dikumpulkan dalam tempoh enam jam.

Ketua Pegawai Operasi syarikat itu Mohd Najib Abdullah berkata dalam satu kenyataan bahawa ini adalah kali pertama Syarikat itu berjaya mengumpulkan para pekerjanya, pelanggan dan penyewa dalam kempen yang penting seperti ini bagi keamanan dunia.

-- BERNAMA

FA AHH PR